

TARIKH	20 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	Nasional

Bayaran RM308,700 sah

Kerajaan menjelaskan pembayaran sebanyak RM308,700 ke dalam akaun Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), Datuk Ismee Ismail, tahun lalu adalah sah mengikut undang-undang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata ia adalah pembayaran mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan Ismee seperti diperuntukkan dalam Akta Lembaga Tabung Haji 1995.

"Isu ini sudah dijawab oleh Kementerian Kewangan ketika sesi penggulungan perbekalan tambahan peringkat dasar pada sidang Dewan Rakyat 4 April lalu," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) di Dewan Rakyat, semalam.